

Dia sangka rakyat Malaysia sudah bersedia jatuhkan kerajaan

# PM: Amin salah anggap

UM 25 JUL 2000

Oleh ZULKIFLI JALIL  
dan AMRAN MULUP

**P**UTRAJAYA 24 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rancang-

Amin. berja-ya kerana rakyat menolak perjuangan tersebut.

Menurut Perdana Menteri Mohd Amin berani berbuat demikian kerana tersalah anggap bahawa ramai rakyat Malaysia sudah bersedia untuk bangun menjatuhkan kerajaan.

Bagaimanapun, kata beliau, apa yang diharapkan oleh Mohd. Amin tidak menjadi kenyataan kerana rakyat tidak berminat membuat kekacauan dan menjatuhkan kerajaan.

“Seperti yang dia lihat di negara lain apabila rakyat merusuh hari demi hari, maka kerajaan pun jatuh...inilah harapannya.

## Pendedahan

pini tidak berlaku. Rakyat Malaysia tidak hendak,” kata beliau. apa yang dia

Dr. Mahathir mendedahkan strategi Mohd. Amin itu ketika diminta mengulas pendedahan ‘rahsia’ ketua kumpulan Al-Ma’unah itu oleh gurunya di Indonesia, Abbas Bakir dalam laporan eksklusif muka *Utusan* ini.

Dalam laporan itu, Abbas menyifatkan bekas anak muridnya itu sebagai pengkhianat kerana mencemar nama baik pertubuhan itu dengan melakukan perbuatan jenayah di Malaysia, selain mengamalkan ilmu hitam dan ajaran sesat.

Abbas yang ditemui di Jakarta turut mendedahkan bahawa Mohd. Amin melakukan pembohongan besar apabila mengaku sebagai mahaguru dan memiliki ilmu kebal.

Perdana Menteri mengulas laporan itu selepas mengadakan sesi dialog dengan

■ Lihat muka 4

## PM: Amin salah anggap

Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan Negara (Nacim), Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita (Hawa) dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, Mohd. Amin percaya dirinya kebal dan tidak boleh dibunuh.

Sebab itu, katanya, dia bertindak sebagai satu katalis menimbulkan kekacauan dalam negara yang akhirnya akan menyebabkan kejatuhan kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, berbeza dengan perjuangan Al-Ma’unah di Indonesia yang bertujuan mencari pertolongan Allah, Mohd. Amin pula jelas mempunyai niat tidak baik.

Mohd. Amin, kata beliau, tidak mengikuti ajaran Al-Ma’unah yang sebenar di Indonesia malah

memperkenalkan ajarannya sendiri yang berpusat kepada lingkungan personaliti dirinya sebagai manusia luar biasa dan kebal.

‘Yang boleh buat segala-galanya... boleh mengalahkan musuh berpuluh-puluh orang.

“Kita tengok pita video yang didapati di pejabat Al-Ma’unah, yang mana orang yang menyerang dia tidak boleh sampai (menyentuhnya),” katanya.

Ini, kata Dr. Mahathir, menimbulkan khayalan kepada Mohd. Amin dan dia kemudian melakukan rompakan senjata di Gerik, 2 Julai lalu dengan kepercayaan, para pengikutnya akan kagum dengan kebolehannya.

“Tetapi dalam masa yang sama, dia percaya memang dia kebal dan mengambil tindakan yang mendedahkannya kepada bahaya dibunuh dan ditembak,” katanya.